



26 Mac 2024

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Dan Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bagi Syor-syor Laporan PAC Berhubung Terimaan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi Dan Beras Negara (DR.7/2023).**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil KPKM terhadap syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berkaitan DR. 7/2023 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 11 Oktober 2023. Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada tindakan susulan berkenaan.
3. PAC telah mengadakan prosiding tindakan susulan MOF dan KPKM pada **11 Mac 2024** dan saksi yang hadir adalah seperti berikut:
 - i. **Ybhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), MOF;
 - ii. **YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali**, Ketua Setiausaha, KPKM; dan
 - iii. **YBhg. Datuk Azman Mahmood**, Ketua Pengarah Kesihatan Kawal Selia Padi dan Beras merangkap Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras, KPKM.

4. Susulan itu, PAC ingin menegaskan bahawa KPKM perlu memastikan setiap obligasi sosial yang dipersetujui oleh BERNAS dan Kerajaan dalam perjanjian konsesi dipatuhi sepanjang tempoh konsesi tersebut.
5. Selain itu, KPKM juga perlu memastikan akaun amanah dana obligasi sosial diselenggara dengan baik serta segala penyaluran dan penggunaan dana berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.
6. Di samping itu, PAC memohon agar pembangunan sistem SMART Padi disegerakan dan diawalkan penggunaannya berbanding perancangan KPKM dan BERNAS bagi memastikan data pesawah berintegriti sekali gus, membolehkan pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan teratur.
7. PAC juga telah dimaklumkan bahawa laporan KPI bagi pelaksanaan 10 obligasi sosial telah dibangunkan dan disediakan sebanyak 2 kali setahun. Justeru, PAC mahu laporan KPI berkenaan ditingkatkan kepada 4 kali setahun yang dilaksanakan setiap suku tahun bagi memastikan BERNAS benar-benar mematuhi pelaksanaan 10 obligasi sosial.
8. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan KPKM dan ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen